

Seludup guna 12 kontena

Oleh Norzamia
Che Noh
am@hmetro.com.my

Klang

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 272.6 tan besi sekerap yang cuba diseludup masuk selepas menahan 12 kontena di Zon Bebas Pelabuhan Barat, baru-baru ini.

Besi sekerap itu diperoleh menerusi beberapa siri pemeriksaan dan sitaan dijalankan JKDM, April lalu.

Penolong Ketua Pengarah Kastam (Penguatkuasaan) Raizam Setapa@Mustapha berkata, siasatan awal mendapati besi sekerap itu diimport dari beberapa negara di benua Amerika, Eropah dan Asia.

Katanya, besi sekerap itu yang bernilai RM1.64 juta termasuk cukai telah diiktirakan antaranya sebagai



RAIZAM menunjukkan rampasan penyeludupan pelbagai komoditi pada sidang media di Wisma Kastam Pulau Indah, semalam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

alternator, campuran tembaga dan komponen kenderaan terpakai.

"Semua barangan dagangan itu dianalisis pihak berkaitan sebelum disahkan sebagai besi sekerap."

"Kami percaya ia akan digunakan bagi tujuan proses kitar semula di negara ini," katanya pada sidang media di Wisma Kastam, Pulau Indah, di sini, semalam.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati keseluruhan besi sekerap seberat 272.696 kilogram itu tidak mempunyai permit import yang dikeluarkan Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia Berhad (Sirim).

Katanya, penyeludupan besi sekerap ini didapati membabitkan pengimport yang berlainan.

Raizam berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (a) dan Seksyen 133 (1) (a) Akta Kastam 1967.